

AJALORIN ORODISPERSIBLE TABLET

Desloratadine 2.5mg & 5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Ajalorin Orodispersible Tablet*?
2. Bagaimana *Ajalorin Orodispersible Tablet* berfungsi?
3. Sebelum mengambil *Ajalorin Orodispersible Tablet*
4. Cara menggunakan *Ajalorin Orodispersible Tablet*
5. Semasa menggunakan *Ajalorin Orodispersible Tablet*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Ajalorin Orodispersible Tablet*
8. Produk deskripsi
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan *Ajalorin Orodispersible Tablet*:

Ajalorin Orodispersible Tablet digunakan dalam merawat dan meredakan gejala *allergic rhinitis* dan *urticarial*.

Bagaimana *Ajalorin Orodispersible Tablet* berfungsi:

Ajalorin Orodispersible Tablet mengandungi bahan aktif Desloratadine yang juga dikenali sebagai *antihistamine*. Semasa reaksi alergik berlaku, badan akan menghasilkan histamines yang akan menyebabkan simptom alergik. Desloratadine bertindak dengan menghalang tindakan histamine dalam badan dan dalam masa yang sama meredakan kesan alergik.

Sebelum mengambil *Ajalorin Orodispersible Tablet*:

Bila tidak boleh mengambil:

- Jika anda alah kepada aktif bahan desloratadine, loratadine atau mana-mana bahan-bahan lain dalam ubat ini.
- Jika anda hamil atau sedang menyusukan bayi.
- Jika anda di bawah umur 12 tahun.
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang yang kronik
- Produk ini mengandungi aspartame, ia mungkin berbahaya pada mereka yang menghadapi *phenylketonuria*.

Sebelum mula ambil:

Beritahu doktor anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan *over-the-counter*, vitamin, dan makanan tambahan herba.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Masih tiada bukti klinikal tentang reaksi pengambilan ubat lain bersama desloratadine

Cara menggunakan *Ajalorin Orodispersible Tablet*

Berapa banyak harus digunakan

Ajalorin 2.5mg

Orodispersible Tablet;

- Kanak-kanak (6-11 tahun); 1 tablet sehari.
- Dewasa/remaja (12 tahun keatas); 2 tablets sehari.

Ajalorin 5mg Orodispersible Tablet;

- Dewasa/remaja (12 tahun keatas); 1 tablet sehari.

Bila perlu digunakan

Sentiasa mengambil ubat ini sama seperti doktor atau ahli farmasi anda telah

memberitahu anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Anda boleh mengambil *Ajalorin Orodispersible Tablet* dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu digunakan

Tempoh anda perlu mengambil *Ajalorin Orodispersible Tablet* bergantung kepada simptom dan nasihat doktor.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil tablet anda, anda perlu mengambil ia sebaik sahaja anda ingat pada hari yang sama. Jika anda tidak ingat pada hari yang sama, sila ambil dos biasa anda pada keesokan harinya.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan bertanya kepada doktor atau ahli farmasi.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih daripada tablet yang ditetapkan sehari, dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan *Ajalorin Orodispersible Tablet*

Perkara yang perlu dilakukan

Ia adalah penting untuk anda melengkapkan tempoh rawatan walaupun anda mula berasa lebih baik selepas beberapa hari. Jika anda berhenti mengambil *Ajalorin Orodispersible Tablet* terlalu awal, gejala anda tidak boleh sembuh sepenuhnya dan simptom boleh kembali atau

AJALORIN ORODISPERSIBLE TABLET

Desloratadine 2.5mg & 5mg

keadaan anda mungkin menjadi lebih buruk.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun kerana keberkesanan dan keselamatan untuk kumpulan umur ini belum wujud.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hipersensitiviti kepada desloratadine, loratadine atau mana-mana eksipien dalam ubat ini.
- Kehamilan dan penyusuan.
- Jika anda berumur dibawah 12 tahun.
- Mengalami masalah buah pinggang yang kronik
- Produk ini mengandungi aspartame, ia mungkin berbahaya pada mereka yang menghadapi *phenylketonuria*

Kesan-kesan sampingan

- Kebiasaan; Keletihan, mulut kering dan sakit kepala.
- Jarang berlaku; halusinasi, pening, jantung berdegup laju, sakit pada bahagian abdomen, loya, muntah, cirit birit dan reaksi hipersensitiviti. Sila rujuk kepada doktor anda untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-7883 5550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public Reporting Medicinal Problems/side Effects/AEFI).

Cara penyimpanan dan pelupusan Ajalorin Orodispersible Tablet **- Penyimpanan**

Simpan di bawah 30°C dalam bungkus asal untuk melindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang tidak lagi digunakan.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Ajalorin 2.5mg

Orodispersible Tablet

Warna merah bata, bulat, tablet rata dengan tepi serong dan tulisan timbul "2.5".

Ajalorin 2.5mg

Orodispersible Tablet

Warna merah bata, bulat, tablet rata dengan tepi serong dan tulisan timbul "5".

Bahan-Bahan Kandungan

Bahan aktif
Desloratadine

Bahan tidak aktif
Polacrillin Potassium, Citric Acid Monohydrate, Red Iron Oxide E172, Magnesium Stearate, Croscarmellose Sodium, Tutti Frutti Flavor, Aspartame, Microcrystalline Cellulose, Mannitol, purified water.

MAL no:
Ajalarin 2.5mg
Orodispersible tablet:
MAL19016047ACZ

Ajalorin 5mg Orodispersible tablet: MAL19016044ACZ

Pengilang:

Genepharm S.A
18km Marathon Avenue,
15351 Pallini Attikis, Greece.

Pemegang Pendaftaran

Produk:

AJ Research & Pharma
Sdn.Bhd.
Unit 27.1, Level 27, Menara Felda, Platinum Park, No. 11,
Perisaran KLCC, 50088
Kuala Lumpur Malaysia.

Tarikh kemaskini:

April 2023

Nombor Siri

NPRA (R1/1) 11042023/074